

KERATAN AKHBAR



| | | |
|-------------|---|------------------|
| AKHBAR | : | KOSMO |
| TARIKH | : | 16/1/2017 |
| JABATAN | : | PERHILITAN |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN |

Selepas harimau, tapir pula bikin pengguna LPT2 gempar

KUALA TERENGGANU
- Tidak sampai seminggu selepas seekor harimau dewasa dilihat bersidai di tepi Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) berhampiran Bukit Besi, Dungun, pengguna lebuhraya itu kelmarin sekali lagi dikejutkan dengan kehadiran seekor tapir pula.



KERATAN Kosmo/7 Januari 2017.

Tapir dewasa itu dijumpai berkeluaran di Kilometer 386, LPT2 menghala Kuala Terengganu berhampiran susur keluar Kijal, Kemaman kira-kira pukul 7.30 malam kelmarin.

Kelibatnya yang tidak menghiraukan kenderaan yang lalu-lalang menarik perhatian beberapa pengguna lebuhraya terbahit yang berhenti untuk me-

masitikan keselamatan haiwan terancam terbahit.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan) Terengganu, Mohd. Hasdi Husin berkata, beliau telah mengarahkan anggota agensi itu menyasat insiden sebaik mengetahuinya pada pukul 9 malam kelmarin.

"Berdasarkan maklumat awal daripada anggotanya Perhilitan negeri cawangan Kemaman, tapir terbahit didapati telah kembali memasuki kawasan hutan berhampiran lokasi terbahit tidak lama kemudian.

"Begitupun kita akan meningkatkan pemantauan bagi memastikan insiden sama tidak berulang pada masa terdekat," katanya.

Hasdi berkata, kelibat tapir keluar dari hutan memasuki LPT2 memang kerap terjadi dan tujuh ekor haiwan terancam itu telah mati dilanggar se-



TAPIR dewasa yang dilihat berkeluaran di Kilometer 386, LPT2 sehingga menggemparkan pengguna lebuhraya berkenaan kelmarin.

waktu melintas di lebuhraya terbahit sejak tahun 2012.

Sementara itu, Pengarah Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga dan

Teknologi Hijau Terengganu, Rosli Othman berkata, kerajaan negeri telah mengarahkan pengendali konsesi LPT2 agar menggalipariti di tepi pagar di sepanjang lebuhraya terbahit bagi mengurangkan risiko diceroboh haiwan liar dan binatang ternakan pada masa hadapan.

Beliau berkata, lokasi yang dikenal pasti sebagai kerap diceroboh haiwan liar dan binatang ternakan terbahit akan diberi keutamaan untuk pembinaan parit berkenaan.

Kosmo/7 pada Januari lalu melaporkan pengguna LPT2 gempar selepas seekor harimau dijumpai berehat di kawasan semak di Kilometer 354.3, LPT2 berhampiran Bukit Besi.

Haiwan terancam itu dipercayai keluar dari pada habitatnya di Hutan Simpan Jerangau yang dilanda banjir.